

Pertembungan antara dua pemikiran

BH-30/5/2007

Pemilihan dijangka menyaksikan proses 'pembetulan' kemasukan tokoh veteran

Oleh Norfatimah Ahmad

GOLONGAN muda dalam Pas yang membawa angin perubahan dua tahun lalu, kini berhadapan kemungkinan kemunculan semula golongan veteran pada pemilihan parti itu, Jumaat ini. Berbeza daripada parti lain, 'siapa lawan siapa' dalam kepemimpinan tertinggi Pas, kurang diketahui dan agak berahsia sehingga beberapa ketika sebelum pemilihan.

Malah, sesama pemimpin tertinggi, mereka kerap berbisik sesama sendiri mengenai 'siapa nak lawan siapa' dan 'siapa anda dengar nak lawan siapa'. Memang agak aneh dan pencalonan biasanya dirahsiakan sehinggakan pencalonan ditutup Sabtu lalu. Itu pun, pengumuman rasmi cuma dilakukan hari ini.

Hanya orang tertentu saja akan tahu kerana pencalonan daripada bahagian dihantar terus ke ibu pejabat dan diletakkan dalam kotak berkunci. Tiada siapa tahu, kecuali Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan, Dr Daeng Sanusi Daeng Mariok. Malah, bagi parti ini, kempen dan lobi melobi tidak berlaku.

Mungkin ini dimaksudkan Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang apabila dipetik sebagai berkata, bahawa setiap pemilihan diadakan adalah untuk menggerakkan dan memantapkan jentera parti.

Parti Pas katanya, tidak menghadapi masalah dalaman yang boleh memecahkan perpaduan parti.

"Ya tidak wujud dalam Pas, malah masalah sampingan timbul daripada pemilihan itu boleh diselesaikan kerana dalam Pas tiada politik wang dan tidak ada lobi macam Umno, tetapi untuk menawarkan khidmat untuk memperteguhkan jemaah," katanya dalam temu bual dengan akhbar rasmi parti itu, *Harakah* baru-baru ini.

Walau apa yang diluahkan Abdul Hadi, semuanya akan dibuktikan menjelang pemilihan Pas mulai esok, selepas tamatnya tempoh khidmat dua tahun bagi penggal 2005-2007.

Tidak syak lagi, tahun ini bakal menyaksikan pertandingan yang seperti dihebahkan sebagai pertembungan antara golongan ulama dan profesional, sekali gus meletakkan faktor pemikiran sederhana dan konservatif sebagai aspek yang akan diadili akar umbi menerusi 1,125 perwakilan dari 170 Pas kawasan di seluruh negara.

Tentunya barisan kepemimpinan ini yang akan menjadi tonggak dalam mengatur strategi menjelang Pilihan Raya Umum ke-12 nanti dan pastinya ahli sudah membuat percaturan serta memilih calon yang dirasakan paling layak.

Selain kritikan terbuka terhadap kepemimpinan parti yang sering menjadi amalan biasa pada setiap muktamar, sudah pasti perbahasan akan tambah menarik dengan pelbagai isu berkaitan pilihan raya.

Seorang teman mengikuti perkembangan parti ini berkata, ada kalanya sukar diramal apa yang bakal berlaku dalam Pas kerana masih menebal sifat di kalangan ahlinya yang tidak mahu perubahan dan lebih mengutamakan penampilan imej konservatif, tetapi tidak lupa ada juga golongan muda memiliki kedua-dua corak pemikiran itu.

Jika benar pandangannya, mungkin juga

INTI PATI

Pandangan pemilihan Pas

- Sukar diramal apa bakal berlaku dalam Pas kerana masih menebal sifat tidak mahu perubahan dan lebih utamakan penampilan imej konservatif
- Mungkin akan ada pemimpin veteran yang banyak berjasa akan mengisi jawatan kanan.
- Hasrat perwakilan memilih gabungan ulama/konservatif dan profesional untuk mengisi barisan kepemimpinan parti bakal direalisasi.
- Faktor ulama atau profesional dalam kepemimpinan Pas tidak penting, sebaliknya kewibawaan dan karisma lebih utama.
- Pas tidak ada pemimpin memiliki aura atau berkarisma, malah parti itu ketandusan pemimpin.
- Pemerhati politik melihat pemilihan Pas sebagai arena hambar dengan sebarang persaingan dianggap tidak relevan kerana ia tidak membawa perubahan besar kepada parti.

angin perubahan bakal melanda barisan kepemimpinan parti kali ini. Mungkin akan ada pemimpin veteran yang banyak berjasa akan mengisi jawatan kanan, bermula daripada Timbalan Presiden dan tiga kerusi Naib Presiden. Tidak terkecuali, pemilihan Dewan Pemuda, Dewan Ulama dan Dewan Muslimat yang dikatakan senada dengan pemilihan peringkat Pusat.

Sehingga tarikh pencalonan ditutup, Sabtu lalu, kerusi Timbalan Presiden Pas akan menyaksikan pertandingan satu lawan satu antara penyandangannya, Nasharuddin Mat Isa dengan Ketua Dewan Ulama, Datuk Harun Taib. Nasharuddin menewaskan Datuk Hassan Shukri dua tahun lalu bagi jawatan nombor dua itu.

Namun, persaingan antara Nasharuddin dan Harun, dari Terengganu yang dianggap mempunyai kredibiliti, amat menarik perhatian. Nasharuddin dilihat sebagai mewakili golongan muda intelektual, manakala Harun dijangka menerima sokongan daripada golongan yang tidak berpuas hati terhadap kemunculan golongan muda dua tahun lalu.

"Jika pemilihan dua tahun lalu dianggap sebagai angin perubahan, maka kali ini boleh dikatakan sebagai 'satu pembetulan'. Mereka yang tewas dulu, mungkin mahu kembali semula," kata seorang pemerhati.

Difahamkan dua pencalonan lain untuk jawatan sama turut diberikan kepada Pesuruhjaya Pas Terengganu, Datuk Mustafa Ali dan Timbalan Mursyidul Am, Datuk Dr Haron Din, tetapi mereka dikatakan menolak bertanding merebut jawatan itu.

Bagi Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, beliau amat berharap ulama dan golongan profesional diberi tempat oleh perwakilan untuk terus menerajui kepemimpinan parti bagi sesi 2007-2009.

Bagaimanapun, Ketua Dewan Pemuda Pas, Salahuddin Ayub agak selesa dengan

kedudukannya apabila tidak dicabar untuk tiga penggal berturut-turut, sekali gus mengekalkan tradisi sejak zaman Mahfuz Omar.

Walaupun memperoleh empat pencalonan untuk merebut jawatan tertinggi Pemuda Pas, Idris Ahmad yang juga timbalan ketuanya dijangka melepaskan jawatannya bagi memberi tumpuan untuk bertanding pada peringkat Pusat.

Berdasarkan perubahan di sana sini yang dapat dilihat dalam pemilihan kali ini, tentunya ia akan merealisasikan hasrat Nik Abdul Aziz itu yang mahu perwakilan memilih gabungan ulama/konservatif dan profesional untuk mengisi barisan kepemimpinan parti itu.

Berbeza sekali pandangan Prof Madya Dr Mohammed Agus Yusoff yang menganggap faktor ulama atau profesional dalam kepemimpinan Pas adalah tidak penting, sebaliknya kewibawaan dan karisma lebih utama.

"Malangnya, Pas tidak ada pemimpin yang memiliki aura atau berkarisma, malah parti itu ketandusan pemimpin dan tidak ada pemimpin baru yang seiring pemimpin Pas terdahulu yang membuatkan parti itu tidak mempunyai kelebihan.

"Sebab itu, sampai sekarang pemimpin Pas tidak dapat menyandang jawatan ketua pembangkang di Parlimen kerana tidak ada yang layak," kata Ketua Program Sains Politik Pusat Pengajian Sejarah Politik dan Strategi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) itu.

Malah, pemerhati politik itu juga melihat pemilihan Pas sebagai arena yang hambar dengan sebarang persaingan dianggap tidak relevan dan tidak menarik kerana ia tidak akan membawa perubahan besar kepada parti itu.

Bagaimanapun, berbicara dengan Pesuruhjaya Pas Kedah, Azizan Razak bagaikan mengimbangi semua pandangan sedia ada apabila pemimpin veteran itu berkata, hanya pemimpin yang berjuang mengikut dasar Pas yang betul seperti ikhlas dan komited kepada parti akan memperoleh kejayaan.

"Menang atau kalah, itu nombor dua, yang penting perlu ada kerja sepasukan pada semua peringkat kepemimpinan parti.


"Contohnya, Hassan Shukri yang hampir 40 tahun berjuang dalam parti dan pernah diberi kepercayaan memegang pelbagai jawatan penting, tetapi tiba-tiba dua tahun lalu perwakilan memilih Nasharuddin bukan Hassan. Malah, pemimpin terdahulu seperti Datuk Mohd Asri Muda juga pernah ditolak perwakilan," katanya yang menganggap keadaan pada pemilihan kali ini adalah senario yang biasa bagi parti itu.

Cuma, katanya, jika berlaku kempen dan lobi melobi barulah dianggap sesuatu yang baru dalam Pas.


Salahuddin pula dengan ringkas menyebut perkataan 'merit' apabila ditanya faktor yang menjadi pengukur di kalangan perwakilan dalam pemilihan parti kali ini.

"Jika jawatan tinggi, tetapi tidak dapat berkhidmat dengan berkesan, tentunya tidak akan dipilih," katanya sambil menambah sama ada seseorang itu ulama atau tidak, dianggap konservatif atau progresif, keadaan itu hanya kerana ia berdasarkan latar pendidikan mereka yang berbeza.

Yang paling afdal bagi Ketua Pemuda Pas itu adalah gabungan semua corak pemi-



Harun Taib



Nasharuddin Mat Isa

kiran kerana tumpuan kepada hanya satu pihak boleh menyebabkan parti hilang panduan. Bagaimanapun, perubahan memang dijangka dalam pemilihan kali ini untuk mewujudkan satu anjakan paradigma dalam kepemimpinan Pas.

"Pas tidak boleh selama-lamanya diletakkan dalam kelompok pembangkang, sebaliknya penampilan Pas tampil memberi jawapan kepada persoalan dikemukakan rakyat dengan menetengahkan fakta dan bukan sekadar cakap-cakap kosong," katanya yang percaya parti itu kini semakin diterima masyarakat berdasarkan beberapa program dilaksanakannya sejak beberapa tahun lalu.

Salahuddin juga menjangka suara Pemuda Pas lantang membicarakan hal berkaitan pilihan raya umum akan datang terutama selepas kerajaan BN semakin hari semakin menampilkan pelbagai petunjuk menjurus kepada pembubaran Parlimen.

Apa pun, memang terlalu banyak perlu ditangani dan dihadapi ahli Pas menjelang muktamar dan selepasnya kali ini. Permasalahannya ialah siapa penentu hala tuju Pas dan ia sangat menarik diperhatikan. Barisan kepemimpinan baru nanti yang akan membawa harapan kepada ahli terutama menjelang pilihan raya umum tidak lama lagi.